

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA TAHUN 2026**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
KHAMIS, 22 SAFAR 1448H BERSAMAAN 06 OGOS 2026M**

PJL03/02/2026

1

No. Soalan: PL276

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI
AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN**

TARIKH : 06.08.2026 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan maklumat berkenaan perstrukturian baru dibawah tanggungjawab Menteri Penyelaras dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri serta apakah pendekatan awal yang diambil untuk menyatukan dan memastikan ekonomi, perdagangan dan industri bergerak serentak dan sehalu, dan bagi sektor sumber sumber utama dan pelancongan, yang sebelum ini dikenalpasti sektor penting dalam menuju Wawasan 2035, masih mendapat penekanan yang sewajarnya.

JAWAPAN:

Sepertimana yang dititahkan oleh KDYMM semasa titah perutusan sempena rombakan dan pelantikan Menteri-Menteri Kabinet dan Timbalan-Timbalan Menteri yang baharu 2026, penyusunan semula portfolio Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan diubah namanya menjadi Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri. Penyusunan semula ini adalah untuk mempercepatkan pembangunan sektor keutamaan dan juga untuk memperkukuh usaha kepelbagaian, demi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan serta pencapaian peluang pekerjaan yang bermakna.

Penubuhan Kementerian ini adalah bertujuan untuk memperkukuh penyelarasan dasar ekonomi dengan pelaksanaan di peringkat perdagangan, perindustrian dan pembangunan sektor-sektor produktif. Melalui susunan baharu ini, fungsi berkaitan dasar dan perancangan ekonomi, perdagangan, pembangunan industri dan ekosistem perniagaan, serta sektor sumber-sumber utama dan pelancongan ditempatkan dalam satu kerangka kementerian yang lebih bersepadu.

Di peringkat kepimpinan, portfolio utama disusun mengikut tiga bidang yang saling melengkapi, iaitu:

1. Dasar-Dasar Ekonomi - iaitu menyelaraskan usaha kepelbagaian ekonomi bersama kementerian-kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk menerajui sektor-sektor keutamaan.
2. Ekonomi dan Perdagangan - iaitu merangka strategi ekonomi negara, memantau prestasi ekonomi, serta memperluas perdagangan antarabangsa dan akses pasaran bagi menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan; dan
3. Industri – iaitu:
 - Mempercepatkan pembangunan sektor keutamaan, serta meningkatkan keluaran industri sumber-sumber utama dan pelancongan dan juga memperkukuhkan usaha kepelbagaian, demi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan serta pencapaian peluang pekerjaan yang bermakna;
 - Mengembangkan industri-industri yang ada dan menerokai industri-industri baharu, termasuk industri makanan bagi menjamin Sekuriti Makanan serta industri pelancongan, melalui:
 - i. Penglibatan pelaburan dari dalam dan luar negara (*FDI*); dan
 - ii. Penekanan kepada perkembangan dan sumbangan Pengusaha Mikro, Kecil dan Sederhana (*MSMEs*).

Susunan ini tidak bermakna setiap fungsi akan bergerak secara berasingan. Sebaliknya, keseluruhan portfolio berkenaan akan dipandu oleh keutamaan ekonomi yang sama, termasuk pertumbuhan yang mampan, peningkatan produktiviti, pengukuhan perusahaan tempatan, penarikan pelaburan berkualiti, peningkatan eksport serta penciptaan pekerjaan yang bernilai tinggi.

Dalam masa yang sama, peranan Menteri Penyelaras adalah untuk memperkukuh keselarasan dasar ekonomi yang bersifat rentas kementerian. Ini penting kerana isu seperti tenaga kerja, tanah, infrastruktur, pembiayaan, peraturan, pelaburan dan kemudahan menjalankan perniagaan tidak terletak di bawah bidang kuasa satu kementerian sahaja. Oleh itu, peranan penyelarasan tersebut bukan untuk mengambil alih tanggungjawab agensi lain, tetapi untuk memastikan dasar dan tindakan kerajaan bergerak ke arah matlamat ekonomi negara yang sama.

Sepertimana jua titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Menteri-Menteri Penyelaras hendaklah berfungsi sebagai peneraju utama dalam menyelesaikan isu-isu merentas kementerian atau *cross cutting issues* yang melibatkan sektor-sektor di bawah bidang kuasa masing masing. Mereka bertanggungjawab memastikan agar jurang pelaksanaan antara kementerian tidak dibiarkan melebar.

Bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia tersebut, satu platform penyelarasan di bidang dasar-dasar ekonomi diwujudkan di peringkat Menteri bagi melancarkan lagi usaha memantau dasar & tindakan kerajaan bergerak dengan lebih cekap dan efisien.

Berhubung sektor sumber-sumber utama dan pelancongan, kaola ingin menegaskan bahawa sektor-sektor tersebut akan terus diberikan penekanan yang sewajarnya. Pertanian dan agrikulturan, perikanan, perhutanan serta pelancongan kekal penting dalam usaha mempelbagaikan ekonomi, memperkukuh sekuriti makanan, mengembangkan perusahaan tempatan, meningkatkan eksport dan mewujudkan peluang pekerjaan.

Dengan penubuhan Kementerian ini, sektor-sektor ini akan diposisikan dengan lebih rapat kepada keseluruhan ekosistem ekonomi, perdagangan dan industri. Sebagai contoh, pembangunan sektor pertanian tidak hanya dilihat dari sudut peningkatan pengeluaran, tetapi juga dari aspek pelaburan, penggunaan teknologi, pemprosesan hiliran, akses pasaran dan eksport. Begitu juga, pembangunan pelancongan akan terus dikaitkan dengan konektiviti, promosi pasaran, pembangunan produk, pelaburan serta penyertaan perusahaan tempatan.

Roadmap dan program yang telah dikenal pasti bagi sektor-sektor berkenaan akan terus dilaksanakan dan diselaraskan semula mengikut keutamaan Kementerian. Penekanan akan diberikan kepada sasaran yang membawa hasil ekonomi yang nyata, termasuk peningkatan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar, produktiviti, eksport, peluang pekerjaan dan penyertaan perusahaan tempatan.

Kesimpulannya, penstrukturan ini bukan sekadar perubahan pada carta organisasi. Matlamat utamanya ialah membentuk satu rangkaian dasar dan pelaksanaan yang lebih jelas, iaitu daripada perancangan ekonomi kepada pelaburan, pengeluaran, perdagangan dan eksport, sambil memastikan sektor sumber-sumber utama dan pelancongan terus berkembang sebagai pemacu penting ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

No. Soalan: PL236

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN

TARIKH : 06.08.2026 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sektor lain seperti hartanah telah dikenal pasti sebagai bidang berpotensi untuk membuka peluang pelaburan baharu, menjana pertumbuhan ekonomi mampan, menyokong kepelbagaian ekonomi negara, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada hasil minyak dan gas?

JAWAPAN:

Sektor hartanah memainkan peranan penting dalam menyokong perkembangan sektor-sektor produktif seperti pelancongan, perdagangan, perkhidmatan dan industri, di samping menyumbang secara langsung kepada aktiviti ekonomi negara. Pembangunan hartanah yang berdaya maju secara komersial dapat menyediakan ruang perniagaan, penginapan, kemudahan komersial dan infrastruktur yang diperlukan bagi menyokong pertumbuhan sektor-sektor tersebut.

Pembangunan tersebut juga berpotensi menarik pelaburan berkualiti, mewujudkan peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan, merangsang aktiviti industri sokongan serta memastikan penggunaan tanah yang lebih produktif.

Walau bagaimanapun, pembangunan sektor hartanah bergantung kepada beberapa faktor utama, termasuk:

- Dasar dan peraturan kerajaan berkaitan pemilikan (*ownership*), percukaian dan syarat pembangunan;
- Ketersediaan infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air;
- Penyediaan kemudahan kewangan yang kondusif; dan
- Permintaan pasaran serta daya maju komersial yang mencukupi.

Pada masa ini, terdapat cadangan pelaburan, termasuk pembangunan bersepadu berskala lebih besar yang berpotensi merangkumi komponen perniagaan, pelancongan, rekreasi dan kemudahan infrastruktur asas. Cadangan-cadangan tersebut masih di peringkat penilaian Kerajaan, mengambil kira kepada pematuhan terhadap dasar yang ada, syarat perancangan dan keperluan pengawalseliaan sedia ada, di samping itu potensi *socio-economic spin-off* projek tersebut.

Dalam menilai cadangan tersebut, keutamaan akan diberikan kepada pembangunan yang menyokong sektor-sektor produktif, menarik pelaburan berkualiti, mewujudkan peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan serta memberikan manfaat ekonomi yang jelas dan mampan.

No. Soalan: PL238**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN****TARIKH : 06.08.2026 [KHAMIS]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI KEWANGAN II** menyatakan tindakan dan strategi Kementerian Kewangan dalam menyelaraskan semua hasil kutipan negara yang memerlukan perhatian serius terutamanya isu ketirisan dan tunggakan hasil dari kementerian-kementerian yang berkaitan bagi memastikan kutipan hasil dapat diselesaikan dengan teratur dan terarah?

JAWAPAN:

Tunggakan hasil Kerajaan merupakan satu perkara yang diberikan perhatian serius oleh Kementerian Kewangan kerana ia memberi kesan kepada aliran tunai Kerajaan serta mengurangkan jumlah hasil sebenar yang dapat digunakan untuk membiayai perbelanjaan dan penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat dan penduduk.

Bagi menangani isu ini, Kementerian Kewangan melalui Jabatan Perbendaharaan telah melaksanakan beberapa langkah secara berterusan untuk memperkukuhkan pengurusan kutipan hasil Kerajaan. Antaranya ialah memantau prestasi kutipan tunggakan hasil secara berkala dengan mendapatkan laporan status daripada Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan yang berkenaan setiap tiga (3) bulan.

Maklumat ini seterusnya digunakan untuk mengenal pasti tunggakan yang memerlukan tindakan segera serta menilai keberkesanan langkah-langkah kutipan yang telah dilaksanakan.

Di samping itu, Jabatan Perbendaharaan turut mengadakan sesi perbincangan berkala bersama Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan yang berkenaan bagi mengenal pasti punca tunggakan, cabaran yang dihadapi dalam proses kutipan, serta merangka tindakan susulan yang lebih berkesan bagi mempercepatkan kutipan hasil yang masih tertunggak.

Bagi kes-kes yang tidak dapat diselesaikan melalui tindakan pentadbiran, Kementerian Kewangan juga telah merujuk beberapa kes kepada Pejabat Peguam Negara untuk tindakan perundangan yang bersesuaian.

Sebagai langkah bagi mengelakkan terjadinya tunggakan kepada Kerajaan, Jabatan Perbendaharaan telah berusaha untuk menyediakan fasiliti-fasiliti dan kemudahan bagi orang ramai untuk membuat pembayaran.

Antaranya adalah dengan penyediaan *One Common Billing System* (OCBS) yang membolehkan orang ramai untuk membuat pembayaran melalui beberapa saluran seperti kad, secara atas talian (*online*), dan seterusnya membolehkan pemantauan dijalankan.

Di samping itu, dalam memperkasakan penggunaan pembayaran digital bagi perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Kementerian Kewangan melalui Jabatan Perbendaharaan juga telah mengadakan *requirement gathering* bersama pihak National Digital Payments Network Sdn Bhd (NDPX) untuk melaksanakan penggunaan TARUS.

Melalui pengintegrasian sistem TARUS dengan sistem *Electronic Payment Gateway* (EPG) dan OCBS, aplikasi *e-wallet* seperti TAIB VX, Progresif Ding! dan MyDST Wallet akan menjadi salah satu kaedah pembayaran alternatif bagi memudahkan orang ramai membuat pembayaran secara dalam talian dengan menggunakan telefon bimbit.

Kaedah pembayaran yang lebih mudah dan boleh diakses pada bila-bila masa juga dijangka dapat meningkatkan kadar pembayaran tepat pada masanya, sekali gus mengurangkan tunggakan hasil Kerajaan.

Dengan pelaksanaan *Utility Smart Metering System* (USMS) ianya dapat meningkatkan kecekapan kutipan hasil Kerajaan, khususnya bagi hasil daripada bil air dan elektrik. Melalui penggunaan meter pintar, bacaan penggunaan dapat direkodkan dengan lebih tepat dan secara *real time*, sekali gus membolehkan bil dikeluarkan dengan lebih cepat dan tepat.

Di samping itu, sistem ini turut membantu mengurangkan tunggakan bil melalui program pengutipan tunggakan bil, pemantauan penggunaan yang lebih berkesan, pengeluaran notis pembayaran secara automatik serta memudahkan pengguna membuat pembayaran melalui saluran digital. Inisiatif ini In Shaa Allah akan dapat mengurangkan ketirisan hasil dan meningkatkan kadar kutipan hasil utiliti Kerajaan secara berterusan.

Kementerian Kewangan komited memperkukuhkan kutipan hasil negara melalui transformasi digital, tadbir urus yang mantap dan kerjasama bersepadu bagi meningkatkan kecekapan kutipan, mengurangkan ketirisan serta memastikan kemampanan fiskal negara.

No. Soalan: PL317

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SULAIMAN
BIN HAJI NASIR

TARIKH : 06.08.2026 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SULAIMAN BIN HAJI NASIR meminta **MENTERI KEWANGAN II** menyatakan apakah usaha dan insentif yang akan dipertimbangkan oleh pihak kerajaan bagi menggalakkan pelaksanaan sistem pembayaran tanpa tunai (*cashless*) secara meluas di stesen-stesen minyak demi memudahkan urusan pengguna serta menyokong agenda pendigitalan negara?

JAWAPAN:

Pada masa ini, perkhidmatan pembayaran tanpa tunai (*cashless*) boleh digunapakai di dua (2) buah stesen minyak iaitu Stesen Minyak TAIB Delima dan Stesen Minyak TAIB Beribi. Perkhidmatan *cashless* tersebut adalah melalui sistem tarusQR yang dikendalikan oleh Syarikat National Digital Payments Network Sdn Bhd ("ndpx"), yang mana membolehkan pengguna membuat pembayaran dengan mengimbas kod QR melalui aplikasi-aplikasi seperti MyDST, Progresif Ding! dan TAIBVX.

ndpx merupakan sebuah syarikat usaha sama di antara Syarikat Darussalam Assets dan institusi kewangan tempatan iaitu Bank Islam Brunei Darussalam, Baiduri Bank Berhad dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei "TAIB" bagi penubuhan sebuah Hab Pembayaran Digital yang akan mengendalikan sistem pembayaran yang pantas atau *fast payment system*.

Penggunaan mingguan tarusQR terus meningkat setiap minggu sejak kemudahan ini dikenalkan. Dengan sokongan dan kerjasama daripada Perbadanan TAIB dan pengendali-pengendali aplikasi-aplikasi tersebut bersama pihak Brunei Shell Marketing, tarusQR dirancang untuk diperluaskan lagi, tertakluk kepada persetujuan dan ketersediaan stesen-stesen minyak lain di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Selain daripada manfaat langsung kepada pihak pengguna sebagai kemudahan pembayaran alternatif, pembayaran secara digital ini antarlainnya akan dapat memperbaiki kecekapan pengurusan perniagaan terutamanya dalam kerja-kerja pengiraan, penyelarasan, serta membantu mengurangkan risiko penipuan kewangan.

Dalam masa yang sama, kemudahan pembayaran secara *cashless* dengan menggunakan kad kredit atau debit juga ada disediakan di beberapa stesen minyak terpilih di negara ini, walau bagaimanapun ianya adalah terhad bagi pembelian minyak Shell V-Power sahaja pada masa ini. Namun disini ditekankan lagi bahawa penyediaan *cashless* secara meluas di stesen-stesen minyak di negara ini adalah tertakluk jua kepada ketersediaan ataupun "*opt-in*" dari pihak stesen-stesen minyak tersebut.

No. Soalan: PL225

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE

TARIKH : 06.08.2026 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI KEWANGAN II** menyatakan sama ada Peraturan-Peraturan Kewangan, 2022 akan dikaji semula bagi memperkenalkan Kad Kredit Korporat Kerajaan atau kemudahan wang panjar digital untuk pembayaran rasmi langganan perkhidmatan AI dan digital yang diluluskan, sementara menunggu pembangunan inisiatif AI sektor awam.

JAWAPAN:

Kementerian Kewangan sentiasa mengemas kini Peraturan-Peraturan Kewangan dari semasa ke semasa bagi memastikan ia kekal relevan dengan perubahan keperluan operasi, perkembangan teknologi serta amalan tadbir urus yang baik. Pengemaskinian ini juga bertujuan untuk memastikan kawalan dalaman (*internal controls*) terus diperkukuhkan bagi melindungi wang Kerajaan dan memastikan pengurusan kewangan dilaksanakan secara cekap, telus dan berakauntabiliti. Sebagai contoh, beberapa peraturan dan tatacara kewangan telah disesuaikan bagi menyokong proses-proses baharu yang diperkenalkan melalui pelaksanaan sistem TAFIS 2.0.

Kementerian Kewangan menyambut baik sebarang cadangan yang dapat menyokong agenda transformasi digital negara serta meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035. Berhubung cadangan memperkenalkan Kad Kredit Korporat Kerajaan atau wang panjar digital (*Digital Petty Cash*), perkara ini perlu diteliti secara menyeluruh terlebih dahulu bagi memastikan pelaksanaannya disokong oleh sistem, peraturan, prosedur serta mekanisme kawalan dan pemantauan kewangan yang mantap (*strong financial governance*).

Selain itu, penelitian juga perlu mengambil kira aspek keselamatan siber, pengurusan risiko, pematuhan kepada peraturan kewangan, akauntabiliti, serta implikasi kewangan dan perundangan bagi memastikan penggunaan kemudahan tersebut tidak mendedahkan Kerajaan kepada risiko penyalahgunaan, penyelewengan atau pembaziran.

Dengan pendekatan ini, Kementerian Kewangan yakin bahawa sebarang inisiatif pendigitalan yang diperkenalkan bukan sahaja dapat meningkatkan kecekapan operasi Kerajaan, malah turut mengekalkan integriti, akauntabiliti dan tadbir urus kewangan yang kukuh dalam pengurusan wang awam.

Di samping itu, sebagai komitmen berterusan Kerajaan dalam menyokong agenda transformasi digital, Kementerian Kewangan melalui Jabatan Perbendaharaan telah bekerjasama dengan pihak National Digital Payments Network Sdn Bhd (ndpx) untuk melaksanakan penggunaan TARUS. Pelaksanaan inisiatif ini merupakan satu langkah penting ke arah memperluaskan penggunaan pembayaran tanpa tunai (*cashless payment*) dalam sektor awam, sekaligus menjadikan urusan penerimaan bayaran lebih cepat, mudah, selamat dan cekap bagi orang ramai serta agensi Kerajaan.

Inisiatif ini mencerminkan usaha-usaha ke arah mendigitalkan perkhidmatan awam serta membolehkan urusan penerimaan bayaran dilaksanakan dengan lebih cekap dan mudah. Berikutan pelaksanaan inisiatif ini, pihak ndpx kini turut bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan bagi melaksanakan penggunaan platform yang sama dalam penyampaian perkhidmatan mereka.

No. Soalan: PL298

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN

TARIKH : 06.08.2026 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan perancangan untuk meneroka sektor lain bagi mempelbagaikan ekonomi negara termasuk mewujudkan perkhidmatan kewangan dan perniagaan berpotensi seperti urusan emas, *computing* dan *programming*, kewangan Islam serta pusat pengedaran barangan global.

JAWAPAN:

Dalam usaha mempelbagaikan ekonomi negara, Kerajaan melalui BEDB bersama agensi-agensi berkaitan akan terus meneroka dan membangunkan sektor-sektor baharu yang berpotensi tinggi berdasarkan kelebihan daya saing negara, perkembangan teknologi serta permintaan pasaran global.

Bagi Sektor *Computing* Dan *Programming*, usaha akan dipacu melalui pelaksanaan inisiatif di bawah *ICT Masterplan*, termasuk pembangunan ekosistem digital yang menyokong pusat data (*data centre*), kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*), pembangunan perisian (*software development*), *cloud computing* serta aktiviti digital bernilai tinggi yang mampu menarik pelaburan dan mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi.

Bagi sektor kewangan Islam, pembangunan sektor ini akan dipandu melalui *Financial Sector Blueprint* (FSBP) yang diterajui oleh *Brunei Darussalam Central Bank* (BDCB) yang diterbitkan sejak tahun 2016, ini termasuk pembangunan kewangan Islam. *FSBP* memberi tumpuan kepada pengukuhan ekosistem kewangan Islam serta penerokaan peluang perkhidmatan kewangan baharu yang dapat menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Pelbagai inisiatif telah dijalankan di bawah kewangan Islam termasuk penyediaan garis panduan Syariah bagi penstrukturan produk kewangan Islam, pembangunan rangka kerja bagi operasi *Islamic windows* dan penyediaan *White Paper on Islamic Finance Strategies* bagi memperkukuh dan memajukan ekosistem kewangan Islam di Brunei Darussalam.

Sebagai kesinambungan bagi *FSBP* versi pertama, yang telah tamat pada tahun 2025, *FSBP* versi kedua telahpun digubal yang memberi tumpuan kepada pembentukan sektor kewangan yang berdaya tahan, inovatif dan inklusif serta menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan dan kesejahteraan sosial di Negara Brunei Darussalam. Ini termasuk meneroka perkhidmatan kewangan alternatif termasuk pasaran modal terutamanya sukuk.

Manakala bagi pusat pengedaran barangan global, Kerajaan terus memperkukuh kedudukan Brunei Darussalam sebagai hab logistik dan pengangkutan serantau, khususnya dalam konteks BIMP-EAGA, dengan memanfaatkan lokasi strategik negara serta mempertingkatkan kecekapan infrastruktur dan perkhidmatan logistik bagi menyokong aktiviti perdagangan dan pengedaran serantau.

Di samping itu, pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (METI), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), BEDB serta agensi-agensi berkaitan telah menubuhkan *Emerging Industry Development Unit (EIDU)* bagi mengenal pasti dan menilai industri-industri baharu yang berpotensi untuk dibangunkan di Negara Brunei Darussalam sebagai sumber pertumbuhan ekonomi masa hadapan.

Unit ini berperanan mengenal pasti, meneroka dan memacu pembangunan industri baharu yang berpotensi tinggi di Negara Brunei Darussalam bagi menyokong usaha mempelbagaikan ekonomi negara. Dalam melaksanakan peranan tersebut, *EIDU* akan bekerjasama rapat dengan BEDB, bahagian-bahagian di bawah Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri serta kementerian-kementerian lain dalam kluster ekonomi.

BEDB juga menyediakan sokongan bagi kepada PMKS tempatan yang terlibat dalam pembangunan *digital solutions*, termasuk bidang *programming* serta pembangunan perisian dan aplikasi (*software development and application*), melalui beberapa mekanisme sedia ada:

- **Brunei Innovation Lab (BIL):** Projek kerjasama di antara Shell LiveWIRE Brunei (LiveWIRE), Datastream Digital (DST) dan LKEB yang menyediakan *platform* bagi inovasi dengan menghubungkan syarikat *startup* tempatan dengan pemain industri (*industry players*) di pelbagai sektor dan ahli akademik.
- **Startup673:** sebuah program *hackathon* kebangsaan, iaitu pertandingan pembangunan idea perniagaan secara intensif dalam tempoh yang singkat, bagi mengetengahkan idea perniagaan baharu, termasuk penyelesaian berasaskan perisian dan aplikasi, serta membantu peserta membangunkan idea tersebut menjadi perniagaan.
- **iCentre:** program inkubasi yang menyediakan ruang kerja serta akses kepada kemudahan *co-working*. Program berkenaan juga menawarkan akses kepada program pembangunan kapasiti, peluang peningkatan skala perniagaan dan peluang pelaburan dari luar.
- **Tech Enablement Program:** memudahcara PMKS tempatan di NBD dalam menerima transformasi digital. Dengan menyediakan akses bersubsidi kepada alat digital yang inovatif, TEP bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti perniagaan dalam pasaran yang semakin pesat berubah.

- Antara contoh perusahaan yang telah berkembang melalui ekosistem inovasi dan inkubasi ini ialah Solve dan Upside. Solve ditubuhkan melalui MOH Hackathon pada tahun 2024 dan membangunkan penyelesaian pengurusan inventori serta penyelenggaraan peralatan perubatan, termasuk penggunaan teknologi percetakan 3D bagi menghasilkan komponen gantian terpilih. Syarikat ini kemudiannya memenangi Shell LiveWIRE Business Award, memperoleh kontrak pertamanya dengan Hospital RIPAS dan menerima sokongan inkubasi selama setahun di iCentre.
- *Upside* pula ditubuhkan melalui *Startup673 National Hackathon* dan membangunkan penyelesaian pengurusan inventori serta penjejakan aset menggunakan teknologi *RFID*. Syarikat ini telah memperoleh penempatan komersial pertamanya melalui Bazinga bagi pasar raya layan diri Peak Club, melaksanakan kontrak pengurusan inventori dengan BEDB serta menjalankan projek rintis penjejakan katil hospital bersama *MOH Health Innovation Lab*. Pada Julai 2026, *Upside* turut menerima ruang pejabat di iCentre bagi menyokong perkembangan operasinya.
- Perkembangan kedua-dua syarikat ini menunjukkan bagaimana idea yang dikenal pasti melalui program inovasi dapat dibangunkan, diuji dan seterusnya dikomersialkan melalui sokongan ekosistem yang berkaitan.

Usaha-usaha ini menyumbang secara langsung kepada pembangunan bakat dan perusahaan dalam bidang *Computing* dan *Programming*, selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mempelbagaikan ekonomi negara. BEDB akan terus bekerjasama dengan Unit Pembangunan Industri Baharu (*Emerging Industry Development Unit — EIDU*) di bawah METI bagi memastikan usaha-usaha tersebut diselaraskan dengan lebih menyeluruh dalam strategi negara untuk membangunkan industri-industri baharu.

Pihak juga BEDB akan memberikan penumpuan kepada lima sektor keutamaan yang dikenal pasti dalam *Economic Blueprint*, termasuk sektor teknologi maklumat dan komunikasi, potensi pusat pengedaran, logistik dan pengangkutan di bawah sektor perkhidmatan.

No. Soalan: PL277

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI
AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN

TARIKH : 06.08.2026 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jika semua pelaburan BEDB yang sedang berjalan akan dapat diberigakan dari masa ke masa agar diketahui umum bukan sahaja dari segi hasil (*revenue*) tetapi juga bilangan pekerjaan yang diwujudkan? Ini akan juga memberi keyakinan pada orang ramai akan hasil FDI dan akan menggalak pelabur asing lain untuk datang ke Brunei Darussalam.

JAWAPAN:

Pada masa kini, pencapaian *FDI* telah diberigakan melalui pelbagai platform dalam meningkatkan kefahaman dan keyakinan orang ramai terhadap sumbangan pelaburan langsung asing kepada pembangunan dan kepelbagaian ekonomi negara.

Pihak BEDB bekerjasama dengan pihak Radio Televisyen Brunei (RTB), KRISTAL FM dan media-media tempatan untuk mengongsikan perkembangan dalam sektor ekonomi, terutama yang disumbangkan oleh sektor *FDI*.

Selain itu, pihak BEDB juga menggunakan peluang dengan menyertai ekspo-ekspo di dalam dan luar negara serta platform BizBrunei, yang mempunyai *followers based* yang tinggi, iaitu seramai 161,895 *followers*, sebagai saluran untuk mempromosikan PMKS tempatan, projek-projek FDI dan perkembangan berkaitan dengan ekonomi negara.

Sehubungan dengan persoalan ini, pihak Kementerian ini mengambil maklum mengenai komen Yang Berhormat Pehin dan usaha akan dipergiatkan lagi bagi proses memberigakan dari masa ke semasa agar dapat mencapai lebih ramai lagi masyarakat umum di negara ini.

No. Soalan: PL208

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN

TARIKH : 06.08.2026 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI KEWANGAN II** menyatakan apakah langkah Kementerian memperkukuh pelaksanaan dasar *Local Business Development* (LBD) dalam tender Kerajaan dan GLC, termasuk kuota penyertaan syarikat tempatan, ketelusan pelaporan berkala serta petunjuk prestasi jelas seperti nilai kontrak dan jumlah pekerja tempatan?

JAWAPAN:

Dasar *Local Business Development* merupakan antara inisiatif strategik Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memperkukuhkan pembangunan perusahaan tempatan, meningkatkan penyertaan rakyat dalam aktiviti ekonomi serta mewujudkan peluang pekerjaan yang berkualiti. Pelaksanaan dasar ini juga menyokong usaha mempelbagaian ekonomi negara selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 melalui pembangunan sektor swasta yang lebih berdaya saing, inovatif dan mampan.

Bagi memperkukuh pelaksanaan dasar tersebut, Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif mengikut sektor dan bidang keutamaan, antaranya seperti berikut:

- i. Dalam sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) telah membangunkan *ICT Local Business Development Policy Framework* sebagai panduan pelaksanaan projek ICT Kerajaan. Rangka kerja ini bertujuan untuk meningkatkan dan menggalakkan penyertaan syarikat ICT tempatan melalui pembangunan vendor, pemindahan teknologi, penggunaan kandungan tempatan (*local content*) serta pengukuran prestasi melalui petunjuk yang jelas.
- ii. Dalam sektor pembinaan pula, Kementerian Pembangunan melalui *Construction Industry Policy Framework* terus menggalakkan penyertaan kontraktor, sub-kontraktor, pembekal dan tenaga kerja tempatan dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan negara, sekali gus memperkukuh kapasiti industri pembinaan tempatan.

- iii. Bagi sektor tenaga, melalui *Energy In-Country Value (ICV) Division*, Jabatan Tenaga, Hulu dan Hiliran di Jabatan Perdana Menteri terus menerajui pelaksanaan inisiatif pembangunan kandungan tempatan dengan memperluaskan penyertaan syarikat tempatan dalam rantai nilai industri tenaga serta meningkatkan pembangunan kapasiti industri sokongan tempatan.

Manakala pelaksanaan dasar *Local Business Development*, di bawah GLCs, Kumpulan Syarikat Darussalam Assets Sendirian Berhad telah menyediakan laman web *procure.bn* iaitu merupakan platform perolehan digital yang dibina sepenuhnya dari awal, ataupun *built-from-scratch*. Laman web ini menempatkan sebuah direktori pembekal yang boleh diakses secara umum dan mempamerkan syarikat-syarikat pembekal tempatan untuk mempromosikan perusahaan setiap syarikat dan pada masa yang sama, menyokong kedua-dua peluang perniagaan-ke-perniagaan dan perniagaan-ke-pengguna.

Setakat Julai 2026, sebanyak 17 GLCs di bawah Kumpulan Syarikat Darussalam Assets telah menyertai platform ini untuk menawarkan peluang perolehan kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana dan syarikat-syarikat yang berminat. Pada masa ini, sebanyak 1,350 vendor telahpun mendaftar ke platform tersebut dan sebanyak 715 peluang membekal telah pun diselesaikan.

Dalam masa yang sama, Kumpulan Syarikat Darussalam Assets sangat komited dalam tatacara perolehan yang rapi merangkumi amalan terbaik dan pematuhan undang-undang; nilai terbaik bagi perbelanjaan, keadilan, integriti dan ketelusan dalam membuat penilaian perolehan; dan kawalan perolehan berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan.

Seterusnya bagi menguatkan pematuhan kepada piawaian keselamatan siber dan amalan Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus atau *Environment, Social and Governance*, pendaftaran pembekal memerlukan penyerahan dokumen yang berkepentingan seperti sijil pendaftaran, akreditasi, sijil pematuhan cukai, penyata kewangan teraudit dan pengisytiharan konflik kepentingan.

Kementerian Kewangan akan terus bekerjasama rapat dengan kementerian, agensi dan Syarikat-Syarikat GLC bagi memperkukuh pelaksanaan Dasar *Local Business Development* melalui penyelarasan dasar, perkongsian amalan terbaik serta pengukuhan mekanisme pemantauan dan pelaporan prestasi secara lebih sistematik. Bagi sektor dan projek yang berkenaan, elemen *Local Business Development* akan terus dipertimbangkan sebagai salah satu kriteria penilaian dalam proses perolehan Kerajaan, di samping penilaian terhadap aspek teknikal, kemampuan kewangan, keupayaan pelaksanaan dan prinsip *value for money*.

Dalam memperkukuh pelaksanaan Dasar *Local Business Development*, Kementerian Kewangan turut menggalakkan kementerian dan agensi yang berkaitan untuk terus mempertingkatkan mekanisme pemantauan prestasi melalui petunjuk yang bersesuaian, termasuk tahap penyertaan syarikat tempatan, pembangunan vendor, kerjasama strategik, pemindahan teknologi, peluang pekerjaan kepada rakyat serta impak ekonomi yang dijana. Pendekatan ini akan membantu memastikan pelaksanaan dasar *Local Business Development* terus memberikan manfaat yang nyata kepada pembangunan ekonomi negara.

Pada masa yang sama, Kementerian Kewangan akan terus memastikan setiap proses perolehan Kerajaan dilaksanakan secara telus, kompetitif, adil dan berintegriti selaras dengan Peraturan-Peraturan Kewangan yang berkuatkuasa, dengan mengekalkan keseimbangan antara pembangunan industri tempatan, persaingan yang sihat dan pencapaian *value for money*, sekaligus menyokong pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan dan berdaya tahan.

No. Soalan: PL211

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN

TARIKH : 06.08.2026 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI KEWANGAN II** menyatakan apakah mekanisme penilaian dan petunjuk prestasi yang digunakan Kementerian bagi memastikan ia benar-benar meningkatkan kecekapan, disiplin fiskal, tadbir urus dan akauntabiliti kewangan, berbanding penstrukturan semula organisasi secara biasa, memandangkan pengkorporatan merupakan antara pendekatan pembaharuan sektor awam?

JAWAPAN:

Setiap projek pengkorporatan di bawah Darussalam Assets Sendirian Berhad dinilai berdasarkan beberapa petunjuk prestasi utama (*Key Performance Indicators* - KPI). Antaralainnya adalah sumbangan kepada Kerajaan melalui pembayaran cukai korporat, peningkatan kecekapan operasi dan pengurangan beban perbelanjaan kepada pihak Kerajaan.

Sukacita dikongsikan beberapa pencapaian pengkorporatan yang diraih oleh GLCs di bawah Kumpulan Syarikat Darussalam Assets di mana peningkatan kecekapan telah dilaksanakan yang memanfaatkan rakyat dan seterusnya meringankan perbelanjaan Kerajaan seperti berikut:

Muara Port Company Sdn Bhd ("MPC") telah berjaya meningkatkan kecekapan operasi Pelabuhan Muara melalui peningkatan jumlah pengendalian kargo konvensional daripada purata 643 ribu tan metrik pada tahun 2016 kepada purata 1.2 juta tan metrik pada tahun 2025. Di samping itu, bilangan destinasi perkapalan turut meningkat daripada 8 destinasi sebelum pengkorporatan kepada 12 destinasi pada masa ini, sekali gus meningkatkan *maritime connectivity* Negara Brunei Darussalam. Syarikat ini juga telah meningkatkan tenaga kerja daripada 88 orang kepada 303 orang, di mana 96% terdiri daripada rakyat dan penduduk tempatan.

Kementerian Kewangan melalui MPC juga sedang giat menjalankan Projek Muara Port Expansion yang merangkumi kerja-kerja menaik taraf dan memperluaskan kedua-dua terminal kontena dan terminal konvensional dimana projek ini dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan Ogos 2027. Projek ini meliputi peningkatan kapasiti terminal kontena daripada 220,000 TEUs kepada 500,000 TEUs.

Selain itu, pembangunan *Port Trade Zone* seluas 3.62 hektar akan memudahkan cara aktiviti pengimportan, pengeluaran, pembungkusan semula dan pengeksporan, sekali gus meningkatkan kecekapan serta daya saing Pelabuhan Muara.

Bagi Wasan Milling Company Sdn Bhd (“WMC”), jumlah pengeluaran beras tahunan telah meningkat sebanyak 15% daripada 2,215 tan metrik pada tahun kewangan 2024/2025 kepada 2,546 tan metrik pada tahun kewangan 2025/2026. Pada masa yang sama, pengkorporatan telah mengurangkan beban kewangan Kerajaan, memandangkan kos operasi bersih yang sebelum ini dianggarkan sekitar BND7.6 juta setahun kini digantikan dengan pembayaran caj perkhidmatan berjumlah BND1.32 juta bagi tahun kewangan 2025/2026.

Seterusnya bagi Darussalam Pilotage Services Sdn Bhd telah memenuhi kesemua *Service Level Requirements* atau KPI yang ditetapkan oleh Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam, termasuk mencapai 100% ketersediaan perkhidmatan serta prestasi perkhidmatan pemanduan dan penundaan kapal yang melebihi sasaran yang ditetapkan.

Manakala bagi Print Plus Sdn Bhd, syarikat ini telah mencapai kemampanan kewangan dengan merekodkan hasil pendapatan sebanyak BND2.72 juta bagi tahun kewangan 2025/2026 dan mula menyumbang kepada hasil Kerajaan melalui pembayaran cukai pendapatan korporat. Pada masa yang sama, kecekapan operasi turut meningkat melalui pengurangan *machine downtime* daripada 17% kepada 9%, penurunan kadar pembaziran percetakan daripada 17% kepada 3%, serta peningkatan skor kepuasan pelanggan kepada 94%.

No. Soalan: PL306

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHD.
SALLEH BIN HAJI OTHMAN

TARIKH : 06.08.2026 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan strategi dan sasaran kerajaan untuk meningkatkan tahap sara diri negara dalam pengeluaran buah-buahan tempatan melalui penggunaan teknologi pertanian moden, di samping mengurangkan kebergantungan kepada import dan memperkukuhkan keselamatan makanan negara?

JAWAPAN:

Terdapat 4 strategi yang dilaksanakan oleh Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bagi meningkatkan tahap sara diri negara dalam pengeluaran buah-buahan tempatan melalui:

- 1) Penggunaan teknologi seperti sistem fertigasi, rumah terlindung, pengairan automatik dan amalan pertanian tepat (*precision agriculture*);
- 2) Penghasilan benih baharu dan melaksanakan R&D di Stesen Pertanian Birau untuk mengeluarkan benih buah yang bermutu dan bernilai tinggi. Penumpuan pada masa ini ialah bagi mengeluarkan benih buah-buahan tempatan seperti Durian Tembaga, Durian Siunggong, Durian Kuning, pelbagai benih rambutan, duku, manggis dan sebagainya;
- 3) Bagi menggalakkan lagi lebih ramai pengusaha dalam penanaman buah-buahan di negara ini, kementerian pada masa ini bukan saja menumpukan pada pasaran domestik malah menerokai pasaran antarabangsa / eksport; dan
- 4) Memberikan skim rintis untuk ladang buah tempatan, sebagai contoh ladang-ladang berkenaan di KKP Merangkings telah mula menghasilkan buah-buahan mulai tahun lepas.

No. Soalan: PL299

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN

TARIKH : 06.08.2026 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan memberikan penerangan berkenaan 10 faktor yang mempengaruhi hasil padi seperti pengairan, baja dan nutrien, kawalan racun, makhluk perosak, penyakit, kualiti benih, kualiti pengurusan tanah, keadaan cuaca musim menanam, usia/sikap petani dan pengurusan ladang dan apakah program spesifik dilaksanakan dalam pembangunan industri padi bagi menangani faktor tersebut dengan baik?

JAWAPAN:

Antara strategi Kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan (JPAM) untuk meningkatkan pengeluaran padi negara, sekaligus menangani faktor-faktor yang boleh mempengaruhi hasil keluaran padi dan beras adalah seperti berikut:

- **Kajian Kesesuaian Varieti Baru** - Untuk mengenalpasti varieti-varieti padi unggul yang bukan sahaja berhasil tinggi serta mempunyai kualiti rasa yang diterima oleh pengguna tempatan tetapi mempunyai ciri-ciri ketahanan penyakit dan musuh tanaman; tahan terhadap perubahan cuaca (*climate resilient*) serta tanah masam, yang mana adalah merupakan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh peladang-peladang padi. Pada masa ini, pihak JPAM sedang menjalankan sebanyak 7 program kajian kesesuaian varieti-varieti padi di kawasan berpengairan dan kawasan yang tidak mempunyai kawasan berpengairan dengan kerjasama rakan-rakan penyelidikan strategik termasuk:

Kawasan Yang Mempunyai Sistem Pengairan	Kawasan Tidak Mempunyai Sistem Pengairan
Longping High Tech Agriculture Co. Ltd. (Republik Rakyat China) Varieti: BRN004	Hunan Hybrid Rice Research Centre (Republik Rakyat China) Varieti: WDR102
Jiayuan Trading Company (Bersama Yuan Seed Company, Republik Rakyat China) Varieti: Yuan1603	FINC-SINGROW (Republik Rakyat China) Varieti: HHXR61, HY73, HY540, HY761

Yaz & Wyn Enterprise (bersama PT. Biogene Plantation, Republik Indonesia) Varieti: Sembada178	Jiayuan Trading Company (Bersama Yuan Seed Company, Republik Rakyat China) Varieti: Yuan1601
International Rice Research Institute (Berpangkalan di Republik Filipina) Varieti: SVERA100	

Varieti-varieti yang diuji kaji ini mempunyai potensi bagi menghasilkan antara:
 6-8 mt/ha - bagi kawasan berpengairan dan;
 2-3mt/ha - bagi kawasan tidak berpengairan *non-irrigated*.

- **Kajian Meningkatkan Kesuburan Tanah** - Menerusi pendekatan pertanian regeneratif (*regenerative agriculture*) iaitu dengan menggunakan baja kompos di samping menggunakan baja kimia seperti lazimnya. Dapatan awal daripada kajian yang dilaksanakan di KKP Kandol selama tiga musim telah menunjukkan bahawa penggunaan baja kompos ini berupaya untuk mengurangkan kemasaman tanah dan dalam jangka panjang diharapkan akan menyumbang kepada pengeluaran hasil yang optima.
- Meningkatkan keupayaan pembiakbakaan dan pengeluaran benih padi hibrid menerusi kerjasama teknikal dengan Republik Rakyat China. Pihak Republik Rakyat China telah bersetuju untuk memberikan bantuan teknikal di mana dua (2) orang pakar akan dihantar ke negara ini selama satu (1) tahun untuk melatih pegawai-pegawai Jabatan Pertanian dan Agrimakanan serta penyelidik dari institusi pengajian tinggi dalam bidang pembiakbakaan padi hibrid (*hybrid rice breeding*) dan pengeluaran benih padi hibrid (*hybrid seed production*), dan dalam masa yang sama membantu membangunkan Pusat Penyelidikan Padi Hibrid di negara ini. Projek ini dijangka akan bermula pada pertengahan Ogos 2026.
- Meningkatkan kemahiran pengusaha dalam menggunakan *best practices* dalam pengeluaran padi melalui kursus-kursus di bawah Sekolah Perladangan Pengusaha Padi (*Rice Farmer Field School*) yang masih lagi dilaksanakan di keempat-empat daerah.
- Bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dalam melaksanakan program Belia Berpadi bagi melatih belia-belia untuk mengikuti program bagi mempelajari kaedah dan pengurusan tanaman padi. Program ini juga bertujuan untuk menggalakkan penglibatan belia dalam perusahaan penanaman padi di samping bagi meningkatkan pengeluaran padi dan beras negara.

No. Soalan: PL229

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE

TARIKH : 06.08.2026 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada *Basic Tourist Guide Course* dapat diperluaskan dalam pelbagai bahasa melalui institusi awam seperti Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), serta sama ada yuran kursus berjumlah \$1,033 dapat dikurangkan.

JAWAPAN:**1) Mengenai Kerjasama Bersama Institusi Latihan Awam dan Isu Tenaga Pengajar:**

Untuk makluman, Kementerian ini melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan sememangnya sentiasa menjalin kerjasama strategik bersama institusi-institusi awam seperti Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE). Kerjasama ini merangkumi pelbagai program peningkatan keupayaan dan kompetensi bagi tenaga kerja industri hospitaliti dan pelancongan, termasuklah *Basic Tourist Guide Course* serta kursus-kursus kemahiran bahasa.

Walaupun bagaimanapun, dalam mengendalikan *Basic Tourist Guide Course* secara khusus, pihak institusi awam pada masa ini masih berhadapan dengan kekangan dari segi ketersediaan tenaga pengajar berkemahiran dan pakar khusus tempatan. Perkara ini membataskan keupayaan institusi-institusi berkenaan untuk mengendalikan kursus tersebut.

2) Mengenai Inisiatif Kursus Pemandu Pelancong Bahasa Mandarin:

Bagi memenuhi permintaan pasaran pelancongan antarabangsa yang memerlukan lebih ramai pemandu pelancong fasih berbahasa Mandarin, Kementerian telah berhasrat untuk mengendalikan kursus khas ini bersama L3C. Namun, memandangkan pihak L3C belum bersedia dari segi penyediaan modul dan tenaga pengajar khusus.

Oleh yang demikian, Jabatan Kemajuan Pelancongan telah mengambil langkah proaktif dengan bekerjasama bersama institusi swasta bagi mengendalikan Kursus Asas Pemandu Pelancong dalam Bahasa Mandarin. Walau bagaimanapun, penganjuran kursus Bahasa Mandarin tersebut terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu memandangkan jumlah pendaftaran yang diterima belum mencapai jumlah kuota minimum peserta yang ditetapkan bagi membolehkan sesuatu sesi latihan diunkayahkan.

3) Mengenai Penjelasan Structure Yuran (\$1,033):

Mengenai isu kadar yuran berjumlah \$1,033 bagi seorang peserta, pihak Kementerian ingin menjelaskan bahawa penetapan yuran ini adalah berasaskan perbelanjaan kos komprehensif. Ini adalah bagi memastikan kualiti latihan serta pensijilan yang dikeluarkan memenuhi piawaian antarabangsa dan diiktiraf. Pecahan kos tersebut merangkumi empat komposit utama:

- Pertama, Pelantikan Tenaga Pakar Luar (*Expert Trainer*): Meliputi kos logistik, penerbangan, penginapan, dan kepakaran pakar jemputan dari Malaysia yang mempunyai kepakaran khusus dalam bidang teknik penceritaan (*storytelling techniques*) serta penyampaian naratif warisan (*heritage interpretation*).
- Kedua, Latihan Amali dan Lawatan Lapangan (*Field Trips*): Meliputi kos sewaan pengangkutan awam, logistik, serta kos kemasukan bagi pergerakan amali ke lokasi-lokasi tarikan utama seperti Daerah Temburong, Daerah Tutong, Kampong Ayer, dan tempat-tempat bersejarah.
- Ketiga, Modul Pertolongan Cemas (*First Aid Certification*): Merupakan komponen dan modul wajib bagi memastikan setiap pemandu pelancong bertauliah mempunyai kemahiran keselamatan dan kesiapsiagaan semasa mengendalikan pelawat.
- Keempat, Bahan Kursus dan Pentadbiran: Merangkumi penyediaan bahan pembelajaran, fasilitasi penilaian amali, dan urusan pensijilan rasmi.

Kementerian berpandangan bahawa kadar yuran yang dicadangkan adalah munasabah jika dibandingkan dengan negara serantau. Sebagai contoh, program latihan pemandu pelancong di Singapura memerlukan sekurang-kurangnya 120 jam latihan ataupun seikar dua (2) bulan bagi program sepenuh masa manakala program separuh masa boleh mengambil masa sehingga empat (4) hingga lima (5) bulan dengan yuran sekitar SGD1,125 hingga SGD1,950 selepas subsidi kerajaan.

Walau bagaimanapun, dengan mengambil kira konteks Brunei Darussalam serta maklum balas yang diterima daripada pihak industri, khususnya agensi pelancongan dan majikan, kebanyakan pihak memaklumkan bahawa mereka hanya mampu melepaskan kakitangan mereka untuk mengikuti latihan intensif selama kira-kira sepuluh (10) hari sahaja. Tempoh yang lebih panjang akan memberi kesan kepada operasi harian syarikat memandangkan bilangan pemandu pelancong yang terhad dan kekangan sumber manusia yang dihadapi oleh kebanyakan pengusaha pelancongan tempatan.

Sehubungan itu, Kementerian telah memilih pendekatan yang lebih praktikal dan bersesuaian dengan keperluan industri tempatan melalui pelaksanaan kursus asas selama sepuluh (10) hari. Bagi memastikan tahap kompetensi dan profesionalisme pemandu pelancong terus dipertingkatkan, kursus ini akan dilengkapi dengan siri latihan - *Knowledge Training* yang akan ditawarkan secara percuma sepanjang tahun. Pendekatan ini membolehkan para pemandu pelancong terus menambah pengetahuan dan kemahiran mereka dalam bidang-bidang khusus seperti Taman Rekreasi Hutan Luagan Lalak, Brunei *River Heritage*, Brunei *River Safari*, Taklimat mengenai Adat Istiadat, tanpa menjejaskan operasi syarikat masing-masing.

Di samping itu juga, Sekretariat Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPEC) juga ada menyediakan skim pembiayaan SkillsPlus bagi menggalakkan pembentukan kemahiran (*reskilling* dan *upskilling*) dalam kalangan anak-anak tempatan. Ini termasuk Kursus Asas Pemandu Pelancong yang menampung yuran pengajian sebanyak BND\$1,000.00 bagi pencari kerja tempatan yang memenuhi kriteria. Kemudahan ini juga dapat membantu memastikan faktor kewangan tidak menjadi penghalang kepada pencari kerja tempatan yang berpotensi untuk mengikuti latihan, di samping menyokong usaha membangunkan tenaga kerja pelancongan yang berkemahiran dan berkualiti.

Sehubungan itu, Kementerian akan terus meneliti kerjasama dengan institusi latihan awam seperti Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C), Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) serta pihak-pihak berkepentingan yang lain bagi memperkukuhkan penyediaan tenaga pengajar, pembangunan modul dan penyampaian latihan yang lebih mampan.

Pada masa yang sama, Kementerian juga akan terus mengkaji pendekatan yang bersesuaian bagi mengoptimumkan kos pelaksanaan kursus tanpa menjejaskan kualiti latihan, standard profesionalisme serta pengiktirafan pensijilan yang diberikan.

No. Soalan: PL318

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SULAIMAN
BIN HAJI NASIR

TARIKH : 06.08.2026 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SULAIMAN BIN HAJI NASIR meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah usaha pihak kerajaan dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman orang ramai mengenai amalan perbelanjaan secara bijak serta kepentingan menyokong ekonomi tempatan memandangkan masih ramai rakyat memilih untuk membeli barangan keperluan di negara jiran atas faktor nilai mata wang dan harga yang dianggap lebih murah?

JAWAPAN:

Adalah penting untuk difahami bahawa ketelusan maklumat (*information transparency*) merupakan asas kepada amalan pengguna yang bijak. Apabila pengguna mempunyai akses kepada maklumat harga yang tepat, mudah diakses dan dikemas kini secara berkala, mereka dapat membuat perbandingan harga dan seterusnya membuat keputusan pembelian yang lebih bermaklumat mengikut keperluan serta kemampuan masing-masing. Berasaskan prinsip ini, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri melalui Bahagian Hal Ehwal Pengguna memberi penekanan kepada usaha memperkukuh ketelusan maklumat harga di samping memupuk budaya Pengguna Bijak.

Selaras dengan pendekatan tersebut, Bahagian Hal Ehwal Pengguna melaksanakan pemantauan harga mingguan bagi barangan makanan asasi terpilih seperti ayam, telur, bawang dan cili. Maklumat harga ini diterbitkan bagi membolehkan pengguna membuat perbandingan harga antara premis sebelum membuat pembelian, sekali gus menggalakkan persaingan harga yang sihat dalam kalangan peniaga. Lazimnya, senarai harga ini disiarkan melalui aplikasi mudah alih PenggunaBijak. Walau bagaimanapun, berikutan kerja-kerja penambahbaikan infrastruktur aplikasi tersebut yang sedang dijalankan, maklumat berkenaan turut disediakan melalui laman sesawang Bahagian Hal Ehwal Pengguna bagi memastikan orang ramai terus mempunyai akses kepada maklumat harga yang terkini.

Berhubung dengan amalan membeli-belah rentas sempadan, Kerajaan bersetuju bahawa keputusan pengguna dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk perbezaan nilai mata wang, harga, kepelbagaian pilihan barangan serta faktor rekreasi bersama keluarga. Dalam hal ini, pendekatan Kerajaan bukanlah untuk mengehadkan pilihan pengguna, tetapi untuk meningkatkan daya tarikan pasaran domestik.

Antara usaha yang dilaksanakan ialah penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Acara Jualan Murah, yang membolehkan para peniaga menawarkan promosi dan diskaun secara berkala. Di samping itu, Kerajaan turut menganjurkan kempen jualan di peringkat kebangsaan seperti Jualan Mega Brunei dan Brunei *Salebration*, yang menyediakan platform kepada perniagaan tempatan untuk menawarkan harga yang kompetitif serta menarik lebih ramai pengguna berbelanja di dalam negara.

Pada masa yang sama, melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan, pelbagai inisiatif seperti *Brunei December Festival* turut dianjurkan bagi mewujudkan lebih banyak aktiviti dan tarikan domestik yang menggabungkan elemen pelancongan, rekreasi, makanan dan membeli-belah. Pendekatan ini bukan sahaja menggalakkan orang ramai untuk berbelanja di dalam negara, malah turut menyokong pertumbuhan perniagaan tempatan serta merancakkan ekonomi domestik secara keseluruhan.

Di samping itu, sektor swasta khususnya para peniaga juga diharap dapat terus menyokong usaha memperkukuh ekonomi domestik dengan tawaran diskaun yang menarik serta pilihan barangan dan perkhidmatan yang pelbagai kepada pengguna pada harga yang berpatutan dan kompetitif, seterusnya menggalakkan orang ramai untuk berbelanja dalam negara.

No. Soalan: PL265**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERTHORMAT AWANG AMRAN BIN HAJI MAIDIN****TARIKH : 06.08.2026 [KHAMIS]****SOALAN:**

YANG BERTHORMAT AWANG AMRAN BIN HAJI MAIDIN meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan kajian menyeluruh mengenai tahap pendapatan minimum yang diperlukan oleh sesebuah keluarga bagi menampung kos kehidupan yang selesa, termasuk keperluan asas seperti makanan, perumahan, pendidikan, kesihatan dan perbelanjaan harian? Apakah tindakan susulan berdasarkan hasil kajian tersebut?

JAWAPAN:

Kos Minima Keperluan Asas (KMKA) ialah anggaran kos minimum yang diperlukan untuk memenuhi keperluan asas harian bagi seorang individu, merangkumi keperluan makanan dan bukan makanan. KMKA bertujuan untuk memberikan gambaran mengenai kos minimum bagi memenuhi keperluan asas isi rumah, agar mereka bukan sekadar mampu meneruskan kelangsungan hidup, malah mampu berfungsi secara bermakna dalam masyarakat.

Berdasarkan dapatan Kajian Perbelanjaan Keluarga (KPK) 2023/24, Kos Minima Keperluan Asas (KMKA) dianggarkan berada antara BND346 hingga BND362 sebulan bagi setiap individu, merangkumi BND137.54 bagi keperluan makanan dan BND208.33 hingga BND223.67 bagi keperluan bukan makanan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa perbelanjaan bukan makanan merupakan komponen terbesar dalam kos sara hidup minimum, dengan sumbangan sekitar 60 peratus daripada jumlah kos minimum, manakala perbelanjaan makanan menyumbang kira-kira 40 peratus. Ini menunjukkan bahawa keperluan asas seperti perumahan, pengangkutan, utiliti, komunikasi dan perbelanjaan penting lain kini membentuk bahagian yang lebih besar dalam kos minimum kehidupan berbanding makanan.

Berhubung dengan pelaksanaan bantuan, nilai KMKA berfungsi sebagai salah satu rujukan dalam pertimbangan dasar. Sebarang keputusan mengenai penentuan kelayakan atau jumlah agihan bantuan adalah tertakluk kepada bidang kuasa agensi-agensi kebajikan yang berkaitan. Peranan Jabatan Perangkaan adalah menyediakan statistik yang tepat, objektif dan berkualiti tinggi bagi menyokong perancangan, penggubalan dan penilaian dasar berasaskan bukti.

Nota: Laporan KMKA 2023/24 masih dalam proses penyediaan.

No. Soalan: PL167

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI
BIN HAJI MOMIN

TARIKH : 06.08.2026 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan memastikan keseimbangan antara menggalakkan akses pembiayaan dan mengukuhkan budaya menabung, supaya rakyat dapat meningkatkan daya tahan kewangan tanpa bergantung secara berlebihan kepada hutang?

JAWAPAN:

Pihak Kerajaan mengambil pendekatan yang seimbang dengan memastikan rakyat mempunyai akses kepada pembiayaan yang sesuai dan mampu dibayar balik, sambil menggalakkan tabiat menabung dan pengurusan kewangan yang berhemat.

Dari segi akses kepada pembiayaan, pihak Kerajaan, melalui *Brunei Darussalam Central Bank (BDCB)*, memastikan pasaran pembiayaan kekal kompetitif dan inklusif. Beberapa kawalan kadar pembiayaan telah dilonggarkan bagi membolehkan institusi kewangan menawarkan kadar berdasarkan profil risiko dan kedudukan kredit peminjam. Pada masa yang sama, kadar maksimum masih ditetapkan bagi beberapa produk yang secara lazimnya digunakan oleh orang ramai, seperti kad kredit, pembiayaan peribadi dan pembiayaan kenderaan, bagi melindungi kepentingan pengguna.

Akses kepada pembiayaan tersebut perlu disertai dengan amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab. Peraturan Nisbah Khidmat Hutang Keseluruhan atau *Total Debt Service Ratio* (TDSR) secara amnya menghadkan jumlah pembayaran balik hutang bulanan kepada 60 peratus daripada pendapatan bersih peminjam. Ini bertujuan untuk memastikan peminjam masih mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk menampung keperluan harian, membina simpanan, dan menghadapi perbelanjaan luar jangkaan.

Walau bagaimanapun, peraturan ini turut mengambil kira keperluan dan keadaan peminjam. Antaranya, had TDSR boleh ditingkatkan sehingga 70 peratus bagi pembiayaan pembelian atau pembinaan rumah kediaman. Pendapatan tertentu seperti pencen, pendapatan sewa dan pendapatan daripada perniagaan perseorangan juga boleh dipertimbangkan dalam penilaian kemampuan, tertakluk kepada syarat yang ditetapkan. Pendekatan ini membantu memastikan pembiayaan kekal inklusif tanpa mengabaikan kemampuan peminjam untuk membuat pembayaran balik.

BDCB juga memerlukan institusi kewangan untuk menilai kemampuan pelanggan secara menyeluruh serta melayan mereka dengan adil dan telus. Penggunaan laporan kredit membantu institusi kewangan membuat penilaian yang lebih objektif berdasarkan komitmen kewangan dan rekod pembayaran seseorang, sekaligus mengurangkan risiko peminjam mengambil hutang melebihi kemampuan.

Mengenai Literasi Kewangan, perkara ini juga pernah dibangkitkan oleh YB Chong Chin Yee pada Musim Permesyuaratan Ke-21, sesi pertama pada Mac 2025 yang lalu. Pada masa yang sama, usaha mengukuhkan budaya menabung terus diberikan perhatian pada semua peringkat manakala pendekatan juga diperkukuhkan di peringkat akar umbi iaitu selaras dengan Matlamat Dasar Belia Negara dan Strategi 2020/2035 iaitu menjana belia yang berwawasan yang holistik dari semua aspek.

Dalam usaha BDCB untuk menggalakkan budaya menabung, BDCB telah menetapkan kadar pulangan minima bagi akaun simpanan biasa pada kadar tidak kurang daripada 0.15 peratus setahun. Institusi kewangan juga menawarkan pelbagai produk simpanan dan pelaburan yang mempunyai tempoh, pulangan dan tahap risiko yang berbeza. Oleh itu, orang ramai digalakkan untuk membuat perbandingan dan memilih produk yang bersesuaian dengan matlamat kewangan masing-masing.

Usaha kawal selia ini turut disokong oleh inisiatif berterusan untuk meningkatkan tahap celik kewangan masyarakat. Melalui program pendidikan, kempen kesedaran dan penyediaan pelbagai sumber maklumat, BDCB bersama Majlis Kebangsaan Celik Kewangan membantu orang ramai membina tabiat kewangan yang lebih berhemat, termasuk dalam mengurus hutang, merancang simpanan dan membuat keputusan kewangan yang lebih bermaklumat.

Secara keseluruhannya, matlamat Kerajaan bukan untuk menghadkan akses rakyat kepada pinjaman atau pembiayaan, tetapi untuk memastikan kemudahan tersebut diberikan secara bertanggungjawab, selaras dengan kemampuan peminjam dan digunakan bagi tujuan yang produktif.

No. Soalan: PL255

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI
ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM

TARIKH : 06.08.2026 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan maklumat berkenaan 18 projek FDIs baru yang sedang dalam pelaksanaan termasuk nilai pelaburannya? Apakah jenis 3,000 pekerjaan serta kemahiran yang dikehendaki oleh syarikat-syarikat tersebut? Maklumat ini membolehkan usahawan tempatan yang berminat, meraih *spin-off* dan belia-belia yang sedang mencari pekerjaan akan dapat merancang upskilling bagi memenuhi tenaga kerja yang diperlukan.

JAWAPAN:

Setakat 30 Jun 2026, 23 projek FDI yang telah diluluskan untuk dilaksanakan di NBD dengan jumlah pelaburan terkumpul sebanyak USD5.62 bilion. Projek-projek tersebut diunjurkan akan mewujudkan kira-kira 3,300 peluang pekerjaan.

Pecahan peluang pekerjaan yang akan diwujudkan dari pelaburan tersebut termasuk:

- Sektor Hiliran Minyak dan Gas serta Peralihan Tenaga, disasarkan memerlukan 1,875 pekerja, termasuk 1,043 jawatan bagi anak-anak tempatan dalam bidang:
 - Operator Loji dan Juruteknik Proses (*Plant Operators and Process Technicians*)
 - Jurutera Operasi dan Penyelenggaraan (*Operations & Maintenance Engineers*)
 - Juruteknik Penyelenggaraan (*Maintenance Technicians*)
 - Pegawai dan Penyelia Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (*HSE Personnel and Supervisors*)
 - Penyelia Loji Pemprosesan (*Process Plant Supervisors*)
 - Kakitangan Logistik dan Stor (*Logistics and Stores Personnel*)
 - Operator dan Pemandu (*Operators and Drivers*)
 - Jawatan Teknikal berkaitan Hidrogen dan Peralihan Tenaga (*Hydrogen-related technical roles and STEM capability development*)

- Kemahiran yang diperlukan dalam sektor Hiliran Minyak dan Gas serta Peralihan Tenaga termasuk:
 - Operasi Loji Pemprosesan (*Process Plant Operations*)
 - Penyelenggaraan Mekanikal dan Elektrikal Industri (*Industrial Mechanical & Electrical Maintenance*)
 - Sistem Instrumentasi dan Kawalan (*Instrumentation and Control Systems*)
 - Automasi Industri termasuk PLC/SCADA (*Industrial Automation (PLC/SCADA)*)
 - Keselamatan Proses dan HSE (*Process Safety and HSE*)
 - *Industrial QA/QC and Inspection*
 - Teknologi Hidrogen dan *Energy Transition*
 - *Industrial Logistics*
 - *Warehouse Operations*
- Sektor Makanan, Pertanian dan Akuakultur, disasarkan memerlukan 887 pekerja, termasuk 433 jawatan bagi anak-anak tempatan dalam bidang:
 - Aquaculture Supervisors
 - Farm Management Personnel
 - Production Teams
 - Laboratory Staff
 - Research & Development Personnel
 - Food Processing Workers
 - Regulatory & Compliance Personnel
 - Boat Operators
- Kemahiran yang diperlukan dalam sektor Makanan, Pertanian dan Akuakultur termasuk:
 - Operasi Akuakultur dan Perikanan (*Aquaculture and Fisheries Operations*)
 - Pengurusan Ladang
 - Teknologi Pemprosesan Makanan
 - Keselamatan Makanan termasuk HACCP dan GMP
 - Latihan Juruteknik Makmal
 - Jaminan Kualiti Makanan
 - Operasi Pengeluaran (*Production Operations*)
 - Bidang Pertanian dan Sains Alam Sekitar (*Environmental Sciences*)
- Sektor Perkhidmatan, disasarkan memerlukan 184 pekerja, termasuk 105 jawatan bagi anak-anak tempatan dalam bidang:
 - Operator Peralatan Berat (*Heavy Equipment Operators*)

-
- Pengimpal (*Welders*)
 - *Fitters*
 - *Fabricators*
 - *HVAC Technicians*
 - *Inspectors*
 - *Riggers*
 - *Banksmen*
 - Kakitangan Pengurusan Fasilitas (*Facility Management Personnel*)

Berdasarkan data tenaga kerja semasa, projek-projek FDI yang sedang dalam fasa pelaksanaan dijangka mewujudkan kira-kira 2,946 peluang pekerjaan, termasuk sasaran 1,591 jawatan bagi anak-anak tempatan.

Daripada keseluruhan jawatan yang dikenal pasti, sekitar 53.8 peratus merupakan pekerjaan berkemahiran, manakala 15.1 peratus merupakan jawatan penyeliaan dan 9.1 peratus merupakan jawatan pengurusan.

Pada masa yang sama, 26 projek-projek pelaburan telah dilaksanakan dan beroperasi di NBD, menyediakan kira-kira 4,167 peluang pekerjaan yang mana, hanya kira-kira 2,087 jawatan telah diisikan oleh anak tempatan. Pihak BEDB akan membuat penilaian lanjut dan bekerjasama dengan pihak berkepentingan lain bagi jawatan-jawatan tersebut dapat diganti dan diisi oleh anak-anak tempatan.

No. Soalan: PL249

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB

TARIKH : 06.08.2026 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah strategi kerajaan untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI) yang mampu menghasilkan pekerjaan bernilai tinggi, pemindahan teknologi dan pembangunan modal insan tempatan? Adakah insentif FDI dikaitkan dengan jumlah pekerjaan yang diwujudkan untuk rakyat tempatan?

JAWAPAN:

Kerajaan terus memberi fokus kepada menarik pelaburan langsung asing (*FDI*) yang bernilai tinggi (*high-value*) dan berimpak tinggi (*high-impact*) selaras dengan usaha mempelbagaikan ekonomi negara dan mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih berkualiti untuk rakyat tempatan.

Pada asasnya, pekerjaan bernilai tinggi dijana oleh projek *FDI* yang bernilai tinggi. Oleh itu, Kerajaan memberi keutamaan kepada pelaburan yang membawa aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai tambah tinggi, penggunaan teknologi moden, serta memerlukan tenaga kerja yang berkemahiran dan berpengetahuan tinggi.

Di samping itu, Kerajaan menggalakkan *FDI* yang dapat menyumbang kepada:

- Pemindahan teknologi, pengetahuan dan amalan terbaik industri;
- Pembangunan modal insan tempatan melalui latihan dan peningkatan kemahiran;
- Penyelidikan, inovasi dan penggunaan teknologi baharu; dan
- Pembangunan rantai nilai serta peluang perniagaan untuk syarikat tempatan.

Mengenai insentif *FDI*, penciptaan pekerjaan untuk rakyat tempatan merupakan antara faktor penting yang dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, penilaian sesuatu projek tidak hanya tertumpu kepada jumlah pekerjaan yang diwujudkan, tetapi juga kepada kualiti pekerjaan tersebut, tahap kemahiran yang dibangunkan, pemindahan teknologi yang dibawa, serta impak ekonomi jangka panjang kepada Negara Brunei Darussalam.

Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) akan terus berperanan sebagai pusat rujukan, dan dalam menyelaraskan serta memudahcara kemajuan projek-projek *FDI*, dari fasa penerokaan komersial dan perancangan, hingga ke fasa pembinaan, pengoperasian dan perkembangan perniagaan (*business expansion*).

Pada ketika ini, BEDB akan terus mempromosikan NBD sebagai destinasi pelaburan yang menarik dan berdaya saing, terutama dalam lima sektor utama yang dikenal pasti dan berpotensi termasuk:

- Industri Hiliran Minyak dan Gas;
- Sektor Pemakanan, termasuk pemprosesan makanan, akuakultur dan ternakan;
- Sektor Perkhidmatan;
- Sektor Info-Komunikasi dan Teknologi; dan
- Sektor Pelancongan.

BEDB telah mengenal pasti bidang-bidang (*subsektor*) yang mempunyai potensi untuk dikembangkan melalui projek-projek FDI, terutama:

- Pekerjaan Bernilai Tinggi dan berkemahiran, termasuk jawatan dalam operasi loji, kejuruteraan operasi dan penyelenggaraan, instrumentasi dan sistem kawalan, automasi industri, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kawalan mutu, penyelidikan dan pembangunan, teknologi pemprosesan makanan, akuakultur serta teknologi peralihan tenaga dan hidrogen.
- Pemindahan teknologi dan pengetahuan, khususnya melalui penggunaan automasi industri seperti *Programmable Logic Controller* dan *Supervisory Control and Data Acquisition*, sistem instrumentasi dan kawalan, teknologi operasi dan penyelenggaraan loji, teknologi pemprosesan makanan, akuakultur, penyelidikan makmal, jaminan kualiti serta teknologi berkaitan peralihan tenaga.
- Perkembangan Modal Insan melalui latihan teknikal, peningkatan dan pengkhususan kemahiran serta pendedahan kepada operasi industri sebenar. Bidang latihan yang dikenal pasti termasuk operasi loji pemprosesan, penyelenggaraan mekanikal dan elektrik, instrumentasi dan kawalan, automasi industri, keselamatan proses, pemeriksaan dan kawalan mutu, logistik industri, akuakultur, pengurusan ladang, teknologi pemprosesan makanan, keselamatan makanan, latihan makmal serta kemahiran teknikal seperti kimpalan, fabrikasi dan pengendalian peralatan berat.

No. Soalan: PL302

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN
ABDULLAH @ LIM SWEE ANN

TARIKH : 06.08.2026 [KHAMIS]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN ABDULLAH @ LIM SWEE ANN meminta **MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan perancangan dan persiapan Kementerian bagi memastikan Tahun Melawat Brunei 2027 mencapai sasaran khususnya dari segi promosi, persediaan produk pelancongan, meningkatkan kemudahan awam, latihan bagi petugas pelancongan serta apakah saranan jumlah ketibaan pelancong dan impak-impak kepada negara?

JAWAPAN:

Pendekatan Kementerian dalam menjayakan Visit Brunei Year 2027 (VBY 2027) bukanlah semata-mata berorientasikan kepada peningkatan jumlah ketibaan pelawat (*volume-driven tourism*). Memandangkan pasaran pelancongan Negara Brunei Darussalam adalah lebih berfokus, strategi yang diterapkan adalah ke arah Pelancongan Bernilai Tinggi (*High-Value / High-Yield Tourism*), iaitu menarik pelawat yang mempunyai kecenderungan untuk tinggal lebih lama (*longer length of stay*), berbelanja lebih tinggi (*higher average spend*), serta menikmati pengalaman yang unik dan berkualiti.

Bagi mencapai matlamat tersebut, beberapa pendekatan utama sedang dilaksanakan:

1. Promosi Pelancongan yang lebih meluas dan agresif.

Kementerian terus memperkasa inisiatif promosi antarabangsa menerusi penyertaan aktif dalam 24 ekspo dan jerayawara di pasaran sasaran. Strategi pemasaran ini turut diperkukuh melalui:

- kerjasama *CNN*, *Euronews* dan *Al Jazeera* – bagi TV dan lain-lain *media campaign*.
- pelaksanaan enam (6) kempen digital bersama *Online Travel Agent* seperti *Skyscanner*, *Rome2Rio*, *Klook*, *Trip.com*, *Ctrip* dan *Agoda*;
- 10 orang *Key Opinion Leaders (KOL)* dan influencers antarabangsa yang terkenal diundang untuk meliputi VBY 2027.
- penyertaan di dalam ekspo antarabangsa.

2. Memperkukuhkan penawaran produk dan pengalaman pelancongan bernilai tinggi.

Melalui VBY 2027, Kementerian sedang membangunkan lebih banyak pengalaman pelancongan yang *curated*, iaitu pengalaman yang dirancang secara khusus, mempunyai nilai tambah dan mencerminkan keunikan Brunei Darussalam.

Antara tema pengalaman yang akan diketengahkan termasuklah:

- penerokaan alam semula jadi (*adventure and nature exploration*);
- seni dan ekonomi kreatif (*arts and creative economy*);
- warisan budaya dan komuniti (*cultural heritage and community-based tourism*);
- gastronomi dan makanan tempatan (*culinary tourism*);
- sukan dan rekreasi (*sports and recreation*); serta
- warisan dan tradisi Islam (*Islamic heritage and traditions*).

Pendekatan ini akan memberi peluang kepada perusahaan tempatan untuk menghasilkan produk dan pengalaman baharu yang membolehkan pelawat bukan sahaja datang melihat, tetapi turut mengambil bahagian, berinteraksi dan berbelanja di Negara Brunei Darussalam.

3. Memperkasa penganjuran acara bertaraf antarabangsa dan aktiviti sepanjang tahun.

Kementerian sedang menyusun Kalendar Acara Kebangsaan VBY 2027 yang merangkumi festival kebudayaan, acara gastronomi, kejohanan sukan, persidangan serta pameran perniagaan (*MICE - Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions*).

Penganjuran acara yang berkualiti bukan sahaja berperanan menarik pelawat antarabangsa dan serantau, malah dapat meningkatkan permintaan terhadap sektor penginapan, makanan dan minuman, pengangkutan, aktiviti pelancongan serta produk tempatan. Antaranya termasuk, InsyaAllah:

- SHOAS Bridge Marathon;
- *International Art Exhibition*; dan
- Satu cadangan juga untuk mengadakan *International Food Festival*.

Tambahan lagi, VBY 2027 juga bertepatan dengan Sambutan Jubli Intan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena 60 Tahun Menaiki Takhta pada Tahun 2027, yang merupakan satu peluang besar untuk memperkenalkan Brunei Darussalam di peringkat antarabangsa melalui pelbagai acara dan pengalaman istimewa.

4. Menggalakkan penglibatan akar umbi dalam menyediakan pakej dan perkhidmatan pelancongan.

Kementerian menyedari bahawa kejayaan VBY 2027 memerlukan penglibatan menyeluruh daripada sektor swasta, bukan sahaja ejen-ejen pelancongan, airlines malah jua komuniti termasuk kampung/mukim. Oleh itu, Jabatan Kemajuan Pelancongan akan melibatkan (*engaging*) dan menggalakkan MPM dan MPK sama-sama terlibat langsung dalam aktiviti menjelang VBY 2027. Alhamdulillah, sambutan setakat ini adalah menggalakkan.

5. Memanfaatkan platform digital sepenuhnya dalam menjayakan kempen VBY 2027.

Kementerian rancak bekerjasama dengan rakan strategik antarabangsa seperti OTAs (e.g Agoda dan CTrip) bagi meningkatkan capaian promosi Brunei serta memudahkan pelancong mendapatkan maklumat, membuat tempahan penginapan dan aktiviti pelancongan.

Ini mengambil kira tren pelancong antarabangsa yang semakin bergantung kepada pembayaran tanpa tunai. Oleh itu, Kementerian sedang berusaha memperkenalkan kemudahan pembayaran digital kepada vendor pelancongan, termasuk perusahaan kecil di gerai-gerai, adalah penting supaya lebih banyak perbelanjaan pelancong dapat disalurkan kepada perniagaan tempatan.

Kementerian juga sedang bekerjasama dengan pihak institusi kewangan dan rakan strategik bagi memperluaskan penggunaan pembayaran digital dalam kalangan pengusaha pelancongan.

6. Meningkatkan kemudahan dan infrastruktur pelancongan;

Bukan saja yang disediakan oleh pihak Kerajaan malah sektor swasta. Sebagai contoh pelaburan sebuah resort oleh Borneo Eco-Resort. Signage tempat pelancongan juga ditambah di tepi-tepi jalan raya.

7. Mengadakan Kempen Mesra Senegara.

Kempen Mesra ini adalah inisiatif bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pelancongan supaya lebih ramah, sopan dan mesra, terutama sekali kepada *front line workers*.

Secara keseluruhannya, VBY 2027 bukan hanya merupakan satu kempen pemasaran pelancongan, tetapi merupakan satu usaha menyeluruh untuk membangunkan ekosistem pelancongan yang lebih bernilai, inklusif dan mampan.

Kejayaan VBY 2027 akan diukur bukan sahaja melalui peningkatan jumlah pelawat, tetapi juga melalui peningkatan tempoh penginapan, perbelanjaan pelancong, peluang perniagaan kepada perusahaan tempatan serta limpahan manfaat ekonomi kepada masyarakat secara keseluruhannya.